BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Januari 2020

Inflasi keseluruhan meningkat pada bulan Januari



[1] *Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.6% pada bulan Januari (Disember 2019: 1.0%).
- Peningkatan inflasi keseluruhan ini mencerminkan terutamanya kesan asas harga bahan api. Meskipun harga RON95 dan diesel tidak berubah sejak bulan Mac 2019, namun harganya adalah lebih rendah semasa tempoh asas bulan Januari 2019.
- Inflasi teras lebih tinggi pada 1.7% (Disember 2019: 1.4%), sebahagiannya mencerminkan kenaikan harga lebih tinggi dalam beberapa perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan rekreasi dan item pelbagai.

IPI keseluruhan meningkat 1.3% pada bulan Disember 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks Pengeluaran Industri (*Industrial Production Index,* IPI) keseluruhan meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.3% pada bulan Disember 2019 (November 2019: 2.1%).
- Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik sebanyak 3.4% pada bulan Disember 2019 daripada 2.7% pada bulan sebelumnya. Hal ini mencerminkan pengeluaran E&E yang lebih tinggi sebanyak 3.1% (November 2019: 1.1%), selaras dengan pemulihan dalam kalangan negara penyumbang kepada rantaian nilai global susulan perkembangan lebih optimistik berhubung dengan isu penyelesaian perdagangan AS - RR China.

Pembiayaan bersih terus berkembang



[1] *Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.*

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Januari 2020, pembiayaan bersih[1] berkembang 4.7% (Disember 2019: 5.0%), berikutan pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 3.5% (Disember 2019: 3.9%). Pertumbuhan bon korporat terkumpul mampan pada 8%.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul (Januari 2020: 2.5%; Disember 2019: 3.3%), menjadi sederhana kerana pembayaran balik yang lebih tinggi pada bulan itu (Januari 2020: 7.0%; Disember 2019: 2.9%). Paras pengeluaran pinjaman juga lebih rendah berikutan pengeluaran pinjaman yang besar dalam sektor perkilangan dan pertanian pada bulan Disember 2019.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul mampan (Januari 2020: 4.5%; Disember 2019: 4.7%). Pada amnya, tiada perubahan pada bahagian sumbangan kepada pertumbuhan pinjaman mengikut tujuan.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur pada bulan Januari

Prestasi Pasaran Kewangan pada bulan Januari



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Januari, sentimen pelabur terus dipengaruhi oleh faktor luaran. Meskipun sentimen pelabur disokong oleh perjanjian perdagangan fasa satu antara AS dengan RR China yang ditandatangani pada awal bulan Januari, para pelabur menjadi berhati-hati berikutan ketidakpastian berhubung dengan potensi kesan wabak COVID-19 ke atas ekonomi.
- Faktor ketidakpastian ini menyumbang kepada prestasi pasaran kewangan domestik yang bercampur-campur. Kegiatan penghindaran risiko yang lebih ketara dalam kalangan pelabur telah menyebabkan penurunan menyeluruh dalam indeks ekuiti serantau termasuk Malaysia. Akibatnya, FBM KLCI menyusut 3.6% untuk ditutup pada 1,531 mata pada akhir bulan Januari.
- Namun begitu, pasaran bon domestik terus disokong oleh aliran masuk bukan pemastautin susulan langkah pelonggaran dasar monetari dan perkembangan positif dalam rundingan perdagangan global. Penurunan OPR sebanyak 25 mata asas telah menyebabkan kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 18 mata asas.
- Gabungan faktor ini telah menyebabkan ringgit menambah nilai sebanyak 0.1% berbanding dengan dolar AS pada bulan itu.

Mudah tunai bank terus mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

Nisbah Mudah Tunai Sistem Perbankan dan Nisbah Pendanaan Sistem Perbankan



- Nisbah perlindungan mudah tunai sistem perbankan (*liquidity coverage ratio*, LCR) kekal tinggi pada 151.3%[1] pada bulan Januari 2020 (Disember 2019: 149.1%).
- Profil pendanaan bank kekal stabil. Nisbah pinjaman kepada dana serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.4% dan 72.6%.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] LCR Basel III dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015. Pematuhan peringkat permulaan ditetapkan pada 60% dan kenaikan berikutnya adalah secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa pada tahun 2019. Pada 1 Januari 2019, keperluan minimum ditetapkan pada 100%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 02/20/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 28 Februari 2020

SOROTAN BULANAN – JANUARI 2020

Inflasi keseluruhan meningkat pada bulan Januari

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.6% pada bulan Januari (Disember 2019: 1.0%).
- Peningkatan inflasi keseluruhan ini mencerminkan terutamanya kesan asas harga bahan api. Meskipun harga RON95 dan diesel tidak berubah sejak bulan Mac 2019, namun harganya adalah lebih rendah semasa tempoh asas bulan Januari 2019.
- Inflasi teras lebih tinggi pada 1.7% (Disember 2019: 1.4%), sebahagiannya mencerminkan kenaikan harga lebih tinggi dalam beberapa perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan rekreasi dan item pelbagai.

IPI keseluruhan meningkat 1.3% pada bulan Disember 2019

- Indeks Pengeluaran Industri (Industrial Production Index, IPI) keseluruhan meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.3% pada bulan Disember 2019 (November 2019: 2.1%).
- Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik sebanyak 3.4% pada bulan Disember 2019 daripada 2.7% pada bulan sebelumnya. Hal ini mencerminkan pengeluaran E&E yang lebih tinggi sebanyak 3.1% (November 2019: 1.1%), selaras dengan pemulihan dalam kalangan negara penyumbang kepada rantaian nilai global susulan perkembangan lebih optimistik berhubung dengan isu penyelesaian perdagangan AS - RR China.

Pembiayaan bersih terus berkembang

- Pada bulan Januari 2020, pembiayaan bersih[1] berkembang 4.7% (Disember 2019: 5.0%), berikutan pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 3.5% (Disember 2019: 3.9%). Pertumbuhan bon korporat terkumpul mampan pada 8%.

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul (Januari 2020: 2.5%; Disember 2019: 3.3%), menjadi sederhana kerana pembayaran balik yang lebih tinggi pada bulan itu (Januari 2020: 7.0%; Disember 2019: 2.9%). Paras pengeluaran pinjaman juga lebih rendah berikutan pengeluaran pinjaman yang besar dalam sektor perkilangan dan pertanian pada bulan Disember 2019.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul mampan (Januari 2020: 4.5%; Disember 2019: 4.7%). Pada amnya, tiada perubahan pada bahagian sumbangan kepada pertumbuhan pinjaman mengikut tujuan.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur pada bulan Januari

- Pada bulan Januari, sentimen pelabur terus dipengaruhi oleh faktor luaran. Meskipun sentimen pelabur disokong oleh perjanjian perdagangan fasa satu antara AS dengan RR China yang ditandatangani pada awal bulan Januari, para pelabur menjadi berhati-hati berikutan ketidakpastian berhubung dengan potensi kesan wabak COVID-19 ke atas ekonomi.
- Faktor ketidakpastian ini menyumbang kepada prestasi pasaran kewangan domestik yang bercampur-campur. Kegiatan penghindaran risiko yang lebih ketara dalam kalangan pelabur telah menyebabkan penurunan menyeluruh dalam indeks ekuiti serantau termasuk Malaysia. Akibatnya, FBM KLCI menyusut 3.6% untuk ditutup pada 1,531 mata pada akhir bulan Januari.
- Namun begitu, pasaran bon domestik terus disokong oleh aliran masuk bukan pemastautin susulan langkah pelonggaran dasar monetari dan perkembangan positif dalam rundingan perdagangan global. Penurunan OPR sebanyak 25 mata asas telah menyebabkan kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 18 mata asas.
- Gabungan faktor ini telah menyebabkan ringgit menambah nilai sebanyak 0.1% berbanding dengan dolar AS pada bulan itu.

Mudah tunai bank terus mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

- Nisbah perlindungan mudah tunai sistem perbankan (liquidity coverage ratio, LCR) kekal tinggi pada 151.3%[2] pada bulan Januari 2020 (Disember 2019: 149.1%).

[2] LCR Basel III dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015. Pematuhan peringkat permulaan ditetapkan pada 60% dan kenaikan berikutnya adalah secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa pada tahun 2019. Pada 1 Januari 2019, keperluan minimum ditetapkan pada 100%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Profil pendanaan bank kekal stabil. Nisbah pinjaman kepada dana serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.4% dan 72.6%.

Bank Negara Malaysia
28 Februari 2020

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my